

507:
MAHATHIR-VOKESYENAL

1975

PETALING JAYA, 25 OKT. (BERNAMA) -- RAKYAT MALAYSIA SEHARUSNYA BERBANGGA KERANA KADAR PENGANGGURAN NEGARA PADA MASA INI JAUH LEBIH RENDAH DARI KEBANYAKAN NEGARA LAIN YANG SEDANG MEMBANGUN MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMED, BERKATA HARI INI.

KADAR PENGANGGURAN DI NEGARA INI TIDAK LEBIH LAPAN PERATUS. BERUCAP MERASMIKAN BENGKEL PANDUAN VOKESYENAL ANJURAN KELAB ROTARY PETALING JAYA DI SEKOLAH MENENGAH LA SALLE DI SINI MENTERI ITU MAHU RAKYAT TERUS BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN BAGI MENGURANGKAN LAGI KADAR PENGANGGURAN ITU.

KATANYA, KERAJAAN MENYEDARI MASAALAH PENGANGGURAN DI NEGARA INI MELIBATKAN SEBILANGAN BESAR KAUM BELIA.+

TIAP-TIAP TAHUN BERPULUH RIBU BELIA MEMASUKI PASARAN BURUH DAN KADAR PENGANGGURAN INI AKAN TERUS MENINGKAT SEKIRANYA SEBAHAGIAN BESAR BELIA INI TIDAK MENDAPAT PEKERJAAN.

BELIAU MENASIHATKAN PARA PELAJAR YANG AKAN MENAMATKAN PERSEKOLAHAN SUPAYA MENKAJI SERBA-SEDIKIT TENTANG PELUANG-PELUANG PEKERJAAN YANG TERDAPAT DI NEGARA BAGI MENGELAKKAN SEBARANG MASAALAH YANG MUNGKIN DIHADAPI KELAK.

MEREKA HENDAKLAH MENGETAHUI TENTANG KEPERLUAN KELAYAKAN PEKERJAAN DAN SAMADA MEREKA BENAR-BENAR BERMINAT DALAM PEKERJAAN-PEKERJAAN TERTENTU. -- BERSAMBUNG 1340/AZ

509:

MAHATHIR-VOKESYENAL 2 PETALING JAYA

PENGETAHUAN INI, MENURUT DR. MAHATHIR, AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA DAN PENUH TANGGUNGJAWAB APABILA DITAWARKAN PEKERJAAN.

MENTERI ITU JUGA MENASIHATKAN PARA BELIA MENGUBAH SIKAP DAN SANGGUP MEMASUKI RANCANGAN-RANCANGAN TANAH KERAJAAN DAN JANGAN HANYA Mencari PEKERJAAN DI PUSAT-PUSAT BANDAR.

MASA DEPAN NEGARA DI BIDANG EKONOMI BANYAK BERGANTUNG KEPADA PERKEMBANGAN YANG SEIMBANG ANTARA SEKTOR PERINDASTERIAN DAN SEKTOR PERTANIAN.

PEKERJAAN SEBAGAI PETANI MODEN JIKA DIJALANKAN UNTUK TUJUAN PERNIAGAAN MUNGKIN LEBIH BAIK DARIPADA SETENGAH PEKERJAAN DI BANDAR-BANDAR.

+OLEH ITU BELIAU USAHA Mencari PEKERJAAN, MESTILAH DIJUJUDKAN PERSEIMBANGAN ANTARA BELIA-BELIA YANG MENJADI PEKERJA KOLAR BIRU DI BANDAR DAN MEREKA YANG SANGGUP BERHIJRAH KE KAWASAN LUAR BANDAR UNTUK MENJADI PETANI+, TEGASNYA.

DR. MAHATHIR BERHARAP BENGKEL TERSEBUT AKAN MEMBINCANGKAN PERANAN BIDANG PERTANIAN DI NEGARA INI DAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN YANG TERDAPAT.

+DENGAN TUMPUAN TERHADAP BIDANG INI, KITA BERHARAP DAPAT MENAMBAH BAHAN-BAHAN MAKANAN DAN BARANG-BARANG PERTANIAN YANG DIPERLUKAN DI BIDANG PERINDASTERIAN DISAMPING MENGATASI MASAALAH PENGANGGURAN SEDIKIT DEMI SEDIKIT, + TEGASNYA. -- BERNAMA 1050/AZ